

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(X)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

7. Adakah Kerajaan Negeri menyenarai hitamkan ustaz-ustaz yang sering berceramah memfitnah dan mengadu domba dan mengarahkan semua masjid untuk tidak membawa penceramah-penceramah tersebut berceramah di masjid seluruh Pulau Pinang?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyenaraikan tiga personaliti yang tidak dibenarkan untuk terlibat dengan sebarang aktiviti keagamaan seperti ceramah, tazkirah dan khatib di masjid dan surau seluruh Negeri Pulau Pinang iaitu:-
- (i) Ustaz Ahmad Husam bin Dato' Baderuddin;
 - (ii) Ustaz Shahruddin bin Ibrahim; dan
 - (ii) Ustaz Muhamad Hafiz bin Nordin.

Perkara ini telah dimaklumkan kepada semua Pengurus Kariah dan Surau melalui surat bertarikh 13 September 2019.